

BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)



Jenayah siber meningkat ketika pandemik

Oleh [Saiful Haizan Hasam](#) - Oktober 28, 2021 @ 10:38pm
saiiful.haizan@bh.com.my



ASEAN dan Russia harus meningkatkan perkongsian untuk merangkumkan kepelbagaiannya rantaian bekalan, transformasi digital dan ekonomi digital. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Ancaman keganasan, ekstremisme dan jenayah siber yang semakin meningkat perlu diberi perhatian setara dengan sektor kesihatan dan ekonomi, dalam mengharungi pandemik COVID-19.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ada pihak yang mengambil kesempatan daripada peningkatan penggunaan perkhidmatan dalam talian semasa pandemik, untuk menyebarkan ideologi dan melakukan jenayah siber.

Untuk tujuan itu, katanya, ASEAN boleh memanfaatkan kepakaran Russia dalam teknologi digital.

"Malaysia komited untuk menyumbang usaha dalam aspek ini melalui Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism and Cybersecurity Malaysia.

"Cybersecurity Malaysia juga merancang untuk menganjurkan inisiatif Pembangunan Profesional Keselamatan Digital dan Pembelajaran Sepanjang Hayat ASEAN.

"Matlamatnya bagi mengukuhkan keupayaan keselamatan siber untuk mengurangkan ancaman siber di rantau ini. Malaysia mengharapkan sokongan Russia dalam program berkenaan," katanya yang berucap pada Sidang Kemuncak ASEAN-Russia Ke-4 yang berlangsung melalui persidangan video hari ini.

Sidang Kemuncak ASEAN-Russia turut disertai Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah dan Presiden Russia, Vladimir Putin.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, menuju ke arah pemulihan pasca pandemik, ASEAN dan Russia perlu menjadikan dokumen yang diterima pakai hari ini sebagai perkara yang dilaksanakan secara konkret dan pantas.

Dengan cara itu, Perdana Menteri berkata, kerjasama perdagangan dan pelaburan ASEAN-Russia dapat diperkuuh, sekaligus memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang juga tulang belakang ekonomi ASEAN.

"Selain itu, ASEAN dan Russia harus meningkatkan perkongsian untuk merangkumkan kepelbagaiannya rantaian bekalan, transformasi digital, ekonomi digital dan ketersambungan dan sains, teknologi dan inovasi. Majlis Perniagaan ASEAN-Rusia juga mesti memainkan peranan yang lebih proaktif.

"Memandangkan kedudukan Malaysia yang kukuh dalam sektor pembuatan, Malaysia bersedia untuk menyumbang ke arah memperkuuh pembuatan pintar dan penyedia penyelesaian menyeluruh bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan di rantau ini," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri, berkata Malaysia mengucapkan tahniah kepada Russia kerana menghasilkan vaksin Sputnik V yang banyak membantu usaha memerangi wabak COVID-19.

"Malaysia percaya ASEAN dan Russia harus bekerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan diagnostik dan rawatan COVID-19, pembuatan dan pengedaran vaksin, keselamatan biologi dan perkongsian pengetahuan dan kepakaran teknikal mengenai teknologi genetik molekul dalam pengawasan penyakit berjangkit.

"Kerjasama ini akan membantu rantau ini lebih bersedia untuk menghadapi darurat kesihatan pada masa depan," katanya.